

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 OGOS 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI tubuh pusat latihan STEM	Harian Metro
2.	Program Pembelajaran Balai Cerap Matahari Maya untuk Orang Asli	BERNAMA
3.	33 laman web rosak kena godam	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 23 OGOS 2017 (RABU)**

Dengkil: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menubuhkan Pusat Latihan STEM pertama di Malaysia bagi membentuk masyarakat berkemahiran tinggi dan celik sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Menterinya Datuk Seri Madius Tangau berkata, program itu diadakan dengan kerjasama MOSTI, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi menggubal Pelan Tindakan STEM Bersepadu.

"Program ini mengambil contoh modul UK STEM Centre di United Kingdom berperanan sebagai pusat rujukan

MOSTI tubuh pusat latihan STEM

kan STEM untuk rakyat dan melatih guru sains dengan kaedah pengajaran terkini.

"Ia diadakan selaras dasar Transformasi Negara 2050 (TN50) bagi meningkat daya saing dalam bidang pembangunan teknologi melalui dasar pendidikan negara serta pilihan kurikulum sekolah," katanya pada sidang media pada Majlis Penyerahan Inovasi MOSTI, Program Pembelajaran Balai Cerap Matahari Secara Maya (Online Solar Observatory) Dalam Kalangan Masyarakat

Orang Asli di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Melut (Asli), di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) Dr Noordin Ahmad, Ketua Setiausaha MOSTI Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahya dan Guru Besar SK Sungai Melut (A), Zaharah Salleh.

Madius berkata, sistem baru ini tidak mengubah kurikulum sedia ada namun hanya penstrukturkan cara pembelajaran bagi menarik minat pelajar.



MADIUS (lima dari kanan) bersama Orang Asli Kampung Sungai Melut.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 23 OGOS 2017 (RABU)



Program Pembelajaran Balai Cerap Matahari Maya Untuk Orang Asli

Tarikh kemaskini: 22/08/2017

PUTRAJAYA, 22 Ogos (Bernama) -- Program Pembelajaran Balai Cerap Matahari Secara Maya dilaksanakan di beberapa sekolah masyarakat Orang Asli untuk menggalakkan minat dan kecenderungan pelajar Orang Asli dalam bidang astronomi dan sains angkasa.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dalam kenyataan hari ini berkata sistem Online Solar Observatory itu membolehkan pelajar Orang Asli menjalankan pencerapan matahari secara maya tanpa memerlukan kelengkapan teleskop.

Sebanyak enam buah komputer meja dipasang di beberapa buah lokasi sekolah di Selangor iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Melut (Asli), Sekolah Kebangsaan Bukit Tampoi (Asli), Kampung Orang Asli Sungai Melut dan Kampung Orang Asli Bukit Tadom untuk kemudahan pembelajaran astronomi suria secara maya, katanya.

"Sistem yang dibangunkan menggunakan medium teknologi maklumat dan komunikasi masa kini, bertujuan untuk golongan sasaran iaitu Orang Asli mempelajari astronomi suria melalui akses terus ke Balai Cerap Planetarium Negara dari lokasi sekolah mereka," katanya.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (SERANGAN SIBER) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 23 OGOS 2017 (RABU)**

33 laman web rosak kena godam

• CyberSecurity Malaysia siasat, pantau serangan penggodam, bocor maklumat sulit

Oleh Safeek Affandy Razali dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

* Kuala Lumpur

CyberSecurity Malaysia mengesahkan wujud serangan penggodam yang menyergap beberapa laman web di negara ini, membocorkan maklumat sulit serta kemungkinan serangan Penafian Perkhidmatan Teragih (DDOS).

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata sebanyak 33 laman web Malaysia dirosakkan oleh penggodam.

Beliau yang tidak mendedahkan maklumat mengenai laman web yang digodam, berkata pihaknya sedang menyiasat dan memantau perkembangan terkini dengan kerjasama agensi lain untuk mengatasi serangan itu.

"Untuk langkah pencegahan, kami sudah mengeluarkan amaran bagi menasihatkan pentadbir



Kami sudah mengeluarkan amaran bagi menasihatkan pentadbir sistem untuk mengambil langkah perlu untuk mengawasi sistem mereka"

Dr Amirudin Abdul Wahab,
Ketua Pegawai Eksekutif
CyberSecurity Malaysia

sistem untuk mengambil langkah yang perlu untuk mengawasi sistem mereka bagi mengelakkan insiden tidak diingini serta ancaman sekuriti lain," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Satu nota makluman daripada Pasukan Bertindak Kecemasan Komputer Kerajaan (GCERT) tersebut di media sosial, memaklumkan mengenai pencerobohan laman web secara besar-besaran, DDOS dan kerosakan laman web Malaysia, dipercayai dilakukan penggodam Indonesia.

Tindak balas isu bendera

Nota makluman itu turut memaklumkan mengenai kemungkinan serangan itu berpunca daripada kesilapan cetakan bendera Indonesia terbalik ketika pembukaan Sukan SEA 2017.

GCERT tidak dapat dihubungi untuk mengesahkan kesahihan nota makluman itu.

Amirudin berkata, pihaknya turut menyarankan sekurang-kurangnya 11 langkah keselamatan

bagi mencegah serangan siber terhad.

Antara saranan itu adalah memastikan sistem, aplikasi dan perisian tambahan pihak ketiga dikemaskini, memperkuat konfigurasi rangkaian, sistem operasi serta komponen aplikasi yang mungkin menjadi sasaran DDOS.

CyberSecurity turut menasihatkan pentadbir sistem mengemas kini antivirus, membuat salinan dokumen penting, melaksanakan penilaian kerentanan serta melapor sebarang insiden kepada pihak berkaitan.

Untuk melaporkan sebarang serangan siber kepada CyberSecurity, hubungi 1300-88-2999; +6019-2665850 atau e-mel pada cyber999@cybersecurity.my.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata pihaknya menerusi Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) tidak menerima sebarang laporan berhubung perkara berkenaan.